

ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Harian Metro (Segmen Bisnes)

Tarikh : Rabu, 15 Julai 2015

Mukasurat : 54

Malaysia ke-8 paling efisien

H Metro CRBND 15/7/15 : ms 54
- Bisnes -

Kuala Lumpur: Malaysia disenaraikan pada kedudukan ke-8 kerajaan paling efisien dalam Laporan Kompetitif Global 2014-2015 yang diterbitkan Forum Ekonomi Dunia (WEF) dalam laman web, sekali gus mengatasi Switzerland dan Luxemborg yang berada masing-masing pada kedudukan ke-9 dan ke-10.

Laporan 2014-2015 itu meletakkan kerajaan Qatar sebagai paling efisien, diikuti Singapura (ke-2) dan Finland (ke-3). Kerajaan lain berada dalam kedudukan 10 teratas ialah Hong Kong

(ke-4), Emiriah Arab Bersatu (ke-5), New Zealand (ke-6) dan Rwanda (ke-7).

Penilaian WEF terhadap landskap kecekapan dan daya saing 144 kerajaan berdasarkan antara lainnya pembaziran perbelanjaan kerajaan, beban peraturan dan ketelusan penggubalan dasar yang menghasilkan kedudukan global secara keseluruhan.

“Kecekapan sesuatu kerajaan sangat penting terhadap daya saing dan pertumbuhan ekonomi negara. Birokrasi dan peraturan melampau, kurangnya ketelu-

san dan rangka kerja perundangan tidak mencukupi menyebabkan pertambahan kos ke atas perniagaan dan menjejaskan kemajuan,” kata laporan itu.

Sementara itu, laporan itu turut meletakkan Venezuela mempunyai kerajaan yang paling tidak efisien diikuti Itali, Argentina, Lubnan, Libya dan Croatia.

Negara lain yang mempunyai kerajaan tersenarai sebagai 10 paling kurang efisien ialah Angola (ke-7), Chad (ke-8), Mauritania (ke-9) dan Serbia (ke-10).
- BERNAMA